

05 SEP 1998

Ramli-Masjid

JANGAN BENARKAN MASJID, SURAU DIJADIKAN GELANGGANG POLITIK

IPOH, 5 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa masjid dan surau di Perak hari ini diarahkan supaya tidak membenarkan tempat beribadat dan kawasan persekitarannya digunakan untuk ceramah politik oleh mana-mana pihak, kata Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib.

"Masjid serta surau tidak dibenarkan digunakan untuk memberi ceramah politik atau untuk penerangan membela diri kecuali penerangan oleh pihak kerajaan", tegas beliau.

Kerajaan Negeri mahu semua ahli jawatankuasa masjid dan surau di negeri itu tidak melayan permintaan mana-mana pihak yang mahu menggunakan tempat mulia itu untuk tujuan peribadi melainkan untuk syarahan agama, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Ramli sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup dengan 120 orang Wakil Rakyat serta ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri di Bilik Gerakan Negeri di sini yang turut membincangkan persiapan Perak menghadapi fenomena La Nina.

Menurut Ramli, pada perjumpaan itu beliau memberi penjelasan mengenai pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti yang merupakan perkara biasa.

Beliau menjelaskan bahawa Anwar telah diberi peluang seluas-luasnya mengikut amalan demokrasi oleh kerajaan dan Umno untuk mengundur diri sebelum dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Presiden Umno dilakukan.

"Di negara lain, jika timbul suasana seorang menteri tidak lagi boleh melaksanakan kerja seperti biasa, adalah menjadi perkara biasa dia mengundur diri", katanya.

Menurut Ramli, di Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah memecat mana-mana menteri dan bila beliau melakukannya sudah pasti ianya serius dan merupakan jalan terakhir demi kepentingan parti, orang ramai dan negara.

Sehubungan itu, beliau meminta wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan memberi penerangan mengenai perkara itu supaya kakitangan mereka jelas dengan keadaan sebenar dan tidak mempunyai perasaan negatif kepada kerajaan.

Beliau berkata, penjelasan itu termasuk oleh Pegawai Daerah dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di peringkat akar umbi perlu supaya tidak ada pihak yang mengambil kesempatan itu untuk mengeruhkan keadaan.

--BERNAMA

LAT WAT